

05/05/2003

Kerajaan hantar senarai kesilapan The Economist

KOTA BHARU: Surat rasmi kerajaan yang dihantar Jumaat lalu kepada majalah mingguan The Economist, menyenaraikan `satu persatu' kesilapan fakta mengenai Malaysia dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seperti disiarkan majalah dari Britain itu baru-baru ini.

Pengerusi Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed, berkata surat yang dihantar menerusi faksimili kepada pengarang majalah itu mengandungi dua perkara pokok berhubung kejayaan negara dan Perdana Menteri.

Beliau yang menandatangani surat itu berkata, ia adalah bagi menjawab beberapa isu yang dibangkitkan mengenai maklumat salah yang disiarkan majalah itu terbitan 5 April lalu menerusi rencana bertajuk `A Qualified Success' tulisan Christopher Lockwood.

Pada masa sama, katanya, surat itu memohon majalah berkenaan menyiarkan rencana itu bagi menangkis isu yang dibangkitkan mereka serta menyenaraikan fakta salah yang disiarkan pada terbitan berkenaan.

"Surat terbabit turut mendesak pengarang majalah itu mengeluarkan rencana memperbetulkan kesilapan yang dilakukan.

"Kita berpendapat tulisan majalah itu memberikan gambaran tidak betul mengenai kejayaan negara kita, selain memberi gambaran salah mengenai kejayaan besar Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Persatuan Memajukan Kebudayaan, Perindustrian dan Kerohanian Malaysia (OISCA), di sini, semalam, sebagai mengulas kenyataan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa beliau diminta membuat surat penjelasan.

Pemangku Perdana Menteri dipetik berkata, penjelasan itu dihantar untuk menangkis beberapa hujah tidak tepat yang disiarkan dalam rencana berkenaan.

Mustapa berkata, surat itu ringkas dengan panjang sederhana tetapi merangkumi beberapa fakta utama yang dirasakan perlu dibuat pembedaan oleh majalah berkenaan.

"Saya sendiri menghubungi pengurusan The Economist yang mengesahkan menerima surat berkenaan," katanya.